

**Najib tidak perlu 'direhatkan', kata Annuar Musa**  
**The Malaysian Insider**  
**July 8, 2015**  
**Oleh Yasmin Ramlan**

Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak tidak perlu 'berehat' daripada jawatannya walaupun wujud desakan berbuat demikian daripada beberapa pihak berhubung laporan The Wall Street Journal (WSJ) yang mengaitkan beliau dengan pemindahan wang dalam jumlah besar, kata Tan Sri Annuar Musa.

Pengerusi Majlis Amanah Rakyat (Mara) itu berkata, langkah itu bukan mengikut sistem sewajarnya dan berpendapat, Najib mempunyai jawatan yang penting di negara ini.

Katanya, Najib tidak perlu 'direhatkan' seperti prosedur yang dilakukan terhadap pegawai Mara ketika siasatan dijalankan.

"Kalau kita memanggil berdasarkan tuduhan, maka pejabat Mara ini kosonglah. Itu bukan sistemnya," katanya pada sidang media di ibu pejabat Mara di Kuala Lumpur, hari ini.

Pada 2 Julai, Annuar mengumumkan keputusan Mara merehatkan 2 pegawai tertingginya - Pengerusi Mara Incorporated Sdn Bhd (Mara Inc) Datuk Mohammad Lan Allani dan Ketua Pegawai Eksekutif Mara Inc Datuk Abdul Halim Abdul Rahman - bagi memberi laluan kepada siasatan dijalankan berhubung kontroversi pembelian hartanah di luar negara.

Katanya, walaupun dalam proses penyiasatan, Najib berhak mengambil tindakan undang-undang kerana berpendapat terdapat banyak pihak yang ingin mengambil kesempatan atas isu tersebut.

Terdahulu hari ini Najib melalui peguamnya memulakan tindakan undang-undang terhadap WSJ berkaitan laporan yang mendakwa RM2.67 bilion dana 1Malaysia Development Berhad (1MDB) dikreditkan ke dalam akaun bank peribadinya.

Dalam surat tersebut, pasukan peguam Najib memberi tempoh 14 hari untuk menjawab kepada pemilik WSJ, Dow Jones mengesahkan sama ada akhbar tersebut mempertahankan dakwaan laporan mereka itu atau tidak.

Annuar yang juga ahli Majlis Tertinggi Umno itu turut menyokong penuh tindakan Najib menghantar peguam atas kapasiti peribadinya untuk mohon penjelasan terhadap WSJ.

"Kita menyokong penuh tindakan itu dan ia tindakan tepat kerana kini kita dapati banyak berita dan dokumen bertaburan di laman web, termasuk yang palsu dengan niat berbagai-bagai.

"Ini melibatkan seorang ketua negara. Namun kita gembira perdana menteri tidak

ambil sesuatu (tindakan) secara terburu-buru," katanya. – 8 Julai, 2015.

Copyright © 2015 Edge Insider Sdn Bhd

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/najib-tidak-perlu-letak-jawatan-kata-annuar-musa>